



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

FESTIVAL HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020

1 FEBRUARI 2020 (SABTU) / 8.45 MALAM

DATARAN MERDEKA, WP KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera

(Salutasi)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran terhadap Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul di Festival Hari Wilayah Persekutuan bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali yang ke -16 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
2. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada malam ini dan bersama-sama berkumpul dalam menyemarakkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020. Saya dapat merasakan semangat positif dan keterujaan menyambut Hari Wilayah Persekutuan dari semua warga kota di sini. Tahniah dan seharusnya semangat cinta dan sayang terhadap Wilayah Persekutuan ini diteruskan dan dikekalkan sehingga sepanjang zaman.

I would also like to convey my highest gratitude and warm welcome to the ambassadors who are also here with us to celebrate the Federal Territories Day Festival. I hope you enjoy the rest of the night Your Excellencies.

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan disambut pada tiap 1 Februari setiap tahun, bagi meraikan pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.
4. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini masih lagi mengekalkan tema '**Sayangi Wilayahku**'. Ini sejajar dengan hala tuju kerajaan dalam memupuk semangat integrasi nasional dan kesejahteraan yang menjadi penggerak utama agenda

memperkasakan perpaduan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan, selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama. Melalui Festival Hari Wilayah Persekutuan ini membolehkan seluruh warga Kuala Lumpur dapat bersama-sama berkumpul dan menyemarakkan kemeriahana sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020.

5. Bukan Festival ini sahaja yang disusun untuk sambutan ini, malah terdapat 29 lagi acara dan program untuk warga Wilayah Persekutuan sama ada di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020. Program-program ini juga dapat menghidupkan nilai-nilai murni untuk mengukuhkan perhubungan sesama kita kerana saya percaya dengan pemuaafakatan, semangat kerjasama yang utuh dan dedikasi sejati pasti dapat membantu meringankan beban sesama warga kota. Penglibatan seluruh warga Wilayah Persekutuan dalam program-program ini adalah satu peluang keemasan bagi kesemua lapisan masyarakat dalam melahirkan warga kota yang lebih prihatin, harmoni dan sejahtera.

6. Saya harap selepas berkumpul di sini malam ini, malam esok kita berkumpul di Stadium KLFA Cheras untuk mengikuti kuliah dari Ustaz Dr Abdul Samad, tokoh ulama dari Indonesia pula.

7. Tidak dinafikan, cabaran utama kerajaan pada masa kini adalah dalam mendapatkan penyertaan orang awam semasa pelaksanaan program di lapangan. Tetapi dengan pentadbiran dan hala tuju kerajaan yang jelas, dapat memberikan ruang dan peluang kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan dalam semua lapisan keterlibatan yang sekaligus dapat membina dan memupuk nilai rasa sayang atau *sense of belonging* terhadap Wilayah Persekutuan kita.

PRIHATIN TERHADAP RAKYAT

Hadirin yang dihormati,

8. Penganjuran sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini terus memberi penekanan kepada pengisian program yang berelemen ‘perpaduan’ dan ‘kesejahteraan’ yang dapat menyemarakkan semangat, rasa sayang serta sokongan rakyat Wilayah Persekutuan terhadap inisiatif Kerajaan.

9. Inisiatif Wilayah Peduli yang telah dilaksanakan juga telah membuktikan komitmen dan kesungguhan Kementerian dan Agensi dalam membantu golongan B40 yang memberi penekanan kepada aspek pembangunan rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan. Antara program dan kemudahan yang kita telah wujudkan adalah seperti Van Wilayah, bas GOKL dengan laluan perkhidmatan *first mile* dan *last mile* percuma, pelaksanaan Smart City oleh Plan Malaysia yang boleh diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dan penubuhan Majlis Taman Negara yang diselaraskan oleh Jabatan Landskap Negara dan banyak lagi.

10. Kita sekarang sedang mempersiapkan Van Medik pula untuk memberikan rawatan percuma dan mudah kepada warga Wilayah Persekutuan.

11. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini adalah lebih bermakna dengan berhasilnya usaha Kementerian dan Agensi untuk warga kota menikmati hidup yang lebih selesa. Pencapaian dan kejayaan yang telah dinikmati oleh warga Wilayah Persekutuan melalui penawaran peluang pekerjaan di bawah Inisiatif Program Kerjaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pemansuhan budaya orang tengah di pasar malam dan bazaar ramadhan, perumahan untuk rakyat, Transformasi Halal Hub Labuan dan berbagai lagi tidak kira di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

AMANAT DAN HARAPAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

12. Tahun 2020 adalah tahun istimewa untuk Kuala Lumpur khasnya. Kita sambut Tahun Melawat Malaysia, Unesco pula akan menganugerahkan Kuala Lumpur sebagai ibukota buku dunia atau KLWBC dan pada penghujung tahun ini pula kita akan menerima tetamu sempena persidangan APEC.

13. Untuk itu, DBKL telah diminta berbelanja lebih sikit tahun ini untuk mengindah dan membersihkan bandaraya kita di samping menyediakan peluang pekerjaan untuk warga Wilayah.

14. Selepas bandaraya kita dibersih dan diindahkan, menjadi tanggungjawab kita pula untuk mengekalkan keindahan dan kebersihannya itu. Saya yakin, semua warga KL sukaikan keindahan dan kebersihan. BOLEHKAN.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada urus setia dari Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pasukan orkestra DBKL yang akan membuat persembahan khas kepada warga kota pada malam ini serta semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Festival kita pada hari ini.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Festival Hari Wilayah Persekutuan tahun 2020. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian,

terima

kasih.

